

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : MUKA DEPAN

Wadah Pembaharuan

BH

BeritaHarian

Diterbit sejak 1957

www.bharian.com.my

PKPD sekitar
Jalan Masjid India,
Pasar Borong KL,
Hulu Langat ditamatkan

Muka 8

Selasa, 5 Mei 2020
12 Ramadan 1441H
Tel: 1 300 22 6787
PP 414/10/2012 (030686)

Kerajaan negeri
enggan laksana
PKPB bercangguh
dasar Persekutuan,
terdedah tindakan
undang-undang

Muka 5

Terkini
COVID-19

71

pulih, dibenar
keluar hospital,
semalam

55

kes baharu
disahkan,
semalam

105

jumlah
kematian
dicatat

6,353

jumlah kes
disahkan
positif

1,764

kes yang
masih
dirawat

Pekerja asing wajib jalani ujian saringan COVID-19

Kerajaan mewajibkan pekerja warga asing di semua sektor menjalani saringan kesihatan COVID-19 atau 'swab test' bagi membendung penularan wabak itu dalam kalangan mereka. Kementerian Kesihatan akan memulakan saringan di Wilayah Persekutuan serta Selangor dan kos ditanggung oleh majikan.

Muka 3



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : MUKA DUA

KKM galak rakyat muat turun MySejahtera, MyTrace

Putrajaya: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengajak semua rakyat Malaysia dan warga asing di negara ini memuat turun aplikasi MySejahtera dan MyTrace secara percuma di telefon pintar masing-masing.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata aplikasi MySejahtera membolehkan setiap individu melakukan penilaian sendiri untuk mengetahui risiko jangkitan COVID-19.

MySejahtera adalah aplikasi dibangunkan Kerajaan Malaysia dengan kerjasama pelbagai agensi.

"Aplikasi ini membantu dalam pengawasan penularan COVID-19 di dalam negara dengan memperkasakan rakyat atau pengguna untuk prihatin kepada kesihatan sendiri dan keadaan semasa virus pandemik ini di Malaysia.

"MySejahtera membolehkan pengguna melaksanakan penilaian kesihatan sendiri, di samping membantu KKM mendapatkan maklumat awal tahap kesihatan individu untuk mengambil tindakan yang cepat dan berkesan," katanya pada sidang media harian perkembangan terkini COVID-19 di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Dr Noor Hisham berkata, antara fungsi MySejahtera adalah pengesanan 'hotspot',

iaitu pengguna boleh mendapatkan maklumat kawasan panas kes COVID-19 dalam lingkungan satu kilometer (km) dari lokasi pengguna atau alamat carian.

"Memberi maklumat berkaitan fasiliti saringan COVID-19 yang terdekat dan bantuan nasihat secara dalam talian.

"Selain untuk diri sendiri, pengguna juga boleh mendaftarkan maklumat berhubung ahli keluarga tidak mempunyai telefon pintar, di mana MySejahtera membantu menilai tahap kesihatan ahli keluarga atau individu lain yang didaftarkan.

"Pengguna yang sudah memuat turun aplikasi ini perlu mengemas kini kepada versi terbaru bagi mendapat manfaat penuh MySejahtera," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, selain itu, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) turut membangunkan aplikasi MyTrace.

"Aplikasi ini membolehkan kerajaan menjalankan pengesanan kontak kepada individu yang disahkan positif COVID-19.

"MyTrace adalah pelengkap aplikasi MySejahtera. Pengesanan kontak adalah sangat penting supaya dapat diketahui siapa yang pernah berada berdekatan dengan seseorang yang dikenal pasti positif virus ini," katanya.



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Pekerja asing wajib jalani ujian saringan

Kos ditanggung penuh majikan:
Ismail Sabri

Kuala Lumpur: Kerajaan mewajibkan pekerja asing di semua sektor menjalani ujian saringan COVID-19 berikutan terdapat peningkatan kes dalam kalangan mereka.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakub, berkata kos bagi ujian saringan menerusi pengambilan sampel pekerja itu ditanggung sepenuhnya oleh majikan.

"Dua hari berturut-turut kita dapati ada peningkatan kes COVID-19 terhadap pekerja asing yang bekerja di tapak pembinaan di Ampang. Kementerian Kerja Raya sudah menutup tapak pembinaan itu.

"Sebagai langkah pencegahan, mesyuarat hari ini (semalam) bersetuju untuk mewajibkan semua pekerja warga asing di semua sektor, sama ada pembinaan, perkilangan komersial, kedai makan dan sebagainya untuk membuat saringan kesihatan atau *swab test*," katanya.

Bercakap pada sidang media disiarkan secara langsung selepas Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Berkenaan Perintah Kawalan Pergerakan



Bas membawa sebahagian warga asing di Apartment Sri Murni dipercayai positif COVID-19 menjalani ujian saringan di hospital.
(Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

(PKP) di Putrajaya semalam, beliau berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bercadang memulakan ujian saringan itu di Wilayah Persekutuan dan Selangor.

Kelmarin, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah memaklumkan, satu kluster baharu jangkitan COVID-19 dikesan di tapak pembinaan Kuala Lumpur dengan 28 kes positif direkodkan.

Siasatan awal mendapati kluster tapak pembinaan Kuala Lumpur itu mungkin ada

kaitan dengan kluster-kluster lain yang diumumkan sebelum ini.

Sementara itu, Ismail Sabri meminta orang ramai menjadi 'mata dan telinga' pihak berkuasa dengan melaporkan terus ke balai polis terdekat atau melalui hotline Majlis Keselamatan Negara (MKN) serta agensi berkaitan mengenai pelanggaran Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Katanya, orang ramai juga boleh membuat aduan ke pejabat pihak berkuasa tempatan (PBT) dan lebih elok jika disertakan bukti seperti gambar atau video.

"Saya minta rakyat sama-sama membantu kerajaan memastikan patuhan SOP (prosedur operasi standard) di bawah PKPB ini. Yang nampak dengan jelas ingkar SOP boleh lapor kepada balai polis berdekatan, pejabat PBT atau melalui hotline MKN," katanya.

Selain hotline MKN di talian 03-88882010, maklumat juga boleh disalurkan melalui pusat panggilan setempat Malaysia Government Call Centre (MyGCC) di talian 03-80008000 yang beroperasi 24 jam atau talian hotline mana-mana kementerian berkaitan.



AKHBAR : BERITA HARIAN
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NASIONAL

Nasional

Penularan COVID-19

Kes baharu kembali catat dua digit

55 direkod positif dengan 71 pulih, sifar kematian

Putrajaya: Kes baharu COVID-19 kembali mencatat dua digit apabila merekodkan 55 kes setakat jam 12 tengah hari semalam dengan sifar kematian.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata ini menjadikan jumlah kes positif sebanyak 6,353 kes, manakala jumlah kumulatif kematian kekal 105 kes atau 1.65 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Katanya, terdapat 71 kes pulih

dan dibenarkan discaj semalam menjadikan jumlah terkumpul sebanyak 4,484 kes atau 70.6 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Daripada 55 kes baharu yang dilaporkan hari ini (semalam), tujuh kes ialah kes import.

"Ini bermakna, kes penularan tempatan sebanyak 48 kes, iaitu sebanyak 24 kes telah dikesan dari kluster dan lokaliti di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

"Sehingga kini, seramai 28 kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Daripada jumlah itu, 13 kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya pada sidang media harian di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, jumlah kes aktif dengan kebolehan jangkitan COVID-19 adalah 1,764 kes dan diasingkan serta diberi rawatan.

Sementara itu, beliau berkata jumlah pesakit tidak bergejala (asymptomatic) masih kecil di negara ini iaitu 0.1 peratus.

"Saringan yang dilakukan terhadap 5,164 pesakit yang tidak mempunyai sejarah perjalanan dan tiada gejala, mendapati hanya lima individu sahaja yang dikesan," katanya.

Beliau menjelaskan, kemungkinan pesakit asymptomatic disebabkan kandungan virus COVID-19 yang masih kecil di dalam badan dan tidak menjang-

Kes penularan tempatan sebanyak 48 kes, iaitu sebanyak 24 kes telah dikesan dari kluster dan lokaliti di bawah PKPD.

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan



kiti orang lain.

"Bila mempunyai gejala, virus dalam badan semakin tinggi dan boleh menjangkiti orang," katanya.

Dalam pada itu, Kementerian Kesihatan mengenal pasti satu lagi kluster baharu jangkitan COVID-19 di Taman BDC dekat

Kuching, Sarawak.

ia membabitkan 37 kes jangkitan dan ada kaitan dengan kluster perhimpunan tabligh di Masjid Seri Petaling.

"Ia telah menjangkiti keluarga, ahli masjid dan rakan sekerja iaitu membabitkan tiga generasi," katanya.

Peniaga, pengusaha, majikan perlu patuh SOP

Putrajaya: Peniaga, pengusaha dan majikan perlu patuh prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan pihak berkuasa, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

Katanya, selagi semua pihak patuh SOP dan mengamalkan normal baharu dalam kehidupan seharian, rantaian penularan jangkitan COVID-19 akan dapat diputuskan.

Beliau menegaskan, perhimpunan ramai dan aktiviti yang

mendedahkan orang awam kepada risiko jangkitan COVID-19 masih tidak dibenarkan ketika Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang mula dikuatkuasakan semalam.

"Peniaga, pengusaha dan majikan perlu patuhi SOP ditetapkan kerajaan, rakyat di negeri atau wilayah menjalani PKPB diminta patuh kepada SOP. Syarat-syarat yang ditetapkan, orang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas

dan orang kurang upaya perlu dilindungi.

"Individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan dan penjarakan sosial se-kurang-kurangnya satu meter diamalkan setiap masa," katanya pada sidang media harian, di sini semalam.

Sementara itu, Dr Noor Hisham sekali lagi mengingatkan orang ra-

mai bahawa 'perang' melawan COVID-19 masih panjang dan semua pihak perlu berterusan berjuang menentang virus itu yang disifatkan musuh tidak kelihatan.

"Setiap individu perlu mempunyai kawalan sendiri demi melindungi diri dan orang yang dikasihi. Masyarakat perlu ambil tanggungjawab sosial, mainkan peranan masing-masing untuk

mengamalkan normal kehidupan baharu di semua peringkat dan lapisan masyarakat.

"Ini agar ia menjadi amalan kita semua secara berterusan. Kementerian akan terus memantau kejadian jangkitan COVID-19 di Malaysia.

"Teruskan amalan kebersihan diri yang tinggi seperti kerap basuh tangan dengan air dan sabun, amalkan jarak sosial selamat sekurang-kurangnya satu meter," katanya.



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

BH SELASA, 5 MEI 2020

Nasional

Penularan COVID-19

Boleh bergerak lebih 10km

Pergerakan rentas negeri masih dilarang ketika PKPB

Kuala Lumpur: Orang ramai dibenarkan bergerak melebihi radius 10 kilometer (km) di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bermula semalam, sekali gus peraturan berkaitan had pergerakan sepanjang tempoh PKP sejak 18 Mac lalu sudah tidak terpakai.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata peraturan yang melarang pergerakan melebihi radius 10km sudah tidak dilaksanakan di bawah PKPB.

"Tidak ada lagi radius 10km dalam peraturan PKPB. Tidak ada lagi," katanya pada sidang media harian disiarkan secara langsung selepas Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Berkenaan PKP di Putrajaya, semalam.

Bagaimanapun, katanya, pergerakan rentas negeri masih dalam senarai yang dilarang dan tidak dibenarkan dalam PKPB, kecuali untuk tempoh empat hari pada Khamis hingga Ahad ini.

Katanya, pengecualian untuk empat hari itu hanya untuk mereka yang terkandas di kampung dan mahu pulang semula ke tempat kerja serta kediaman masing-masing di bandar.

"Sekarang memang sudah ada kes rentas negeri, tetapi dengan kelulusan polis, mesti laporkan



Peraturan melarang pergerakan melebihi radius 10km sudah tidak dilaksanakan di bawah PKPB. (Foto hiasan)

kepada polis dan mendapatkan kebenaran untuk pergerakan. Kelulusan tertakluk kepada budi bicara polis," katanya.

Dalam satu kenyataan berasingan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semalam mewartakan Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No. 5) 2020 bagi PKPB.

Warta Kerajaan Persekutuan berhubung Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 bertarikh 3 Mei 2020 berkenaan yang disiarkan di laman web rasmi Jabatan Peguam Negara, dikeluarkan oleh Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba berkuat kuasa semalam sehingga 12 Mei.

Akta itu antara lain mengan-

dungi peraturan berhubung kawalan pergerakan di dalam kawasan tempatan jangkitan, kawalan pergerakan di antara kawasan tempatan jangkitan, larangan berhimpun dan berarak, kenderaan persendirian, pengangkutan awam dan jadual aktiviti terlarang.

Bagi kawalan pergerakan di antara kawasan tempatan jangkitan, tiada seorang pun boleh bergerak dari satu kawasan tempatan jangkitan ke suatu kawasan tempatan jangkitan kecuali untuk pergi dan balik kerja atau hanya bagi mereka yang terkandas di mana-mana tempat untuk pulang ke rumah.

Kawalan pergerakan di dalam kawasan tempatan jangkitan pula tidak membenarkan mana-mana individu masuk atau keluar dari kawasan PKP Diperketatkan (PKPD) kecuali petugas kesihatan atau mereka diberi kebenaran.

Selain itu, pemandu kenderaan persendirian tidak boleh membawa lebih tiga penumpang dan penumpang pula adalah individu tinggal serumah dengannya.

Bagi pengangkutan awam pula, mana-mana operator darat, laut atau udara tidak boleh membawa lebih daripada separuh jumlah kapasiti maksimum penumpang dibenarkan, manakala perkhidmatan teksi dan e-hailing tidak dibenarkan membawa lebih dua penumpang bagi setiap perjalanan.

Mereka yang melanggar mana-mana peruntukan dalam peraturan berkenaan boleh didenda tidak melebihi RM1,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Warta itu juga membatalkan Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No. 4) 2020.



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 18

RUANGAN : NASIONAL

KKM pastikan integriti warga kerja terbaik

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) sentiasa memantau dan memastikan jati diri serta integriti warganya pada tahap terbaik.

Menterinya, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata KKM akan sentiasa menyokong penuh usaha Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

(SPRM) membasmi gejala rasuah dan penyelewengan.

"KKM akan terus bekerjasama dengan SPRM, termasuk dalam memastikan warga kementerian sentiasa menitikberatkan nilai integriti sepenuhnya," kata dalam kenyataan, semalam.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : LOKAL

Harian Metro | Selasa 05.05.2020

@hmetromy f HarianMetro @hmetromy www.hmetro.com.my A 7


lokal

55 KES DILAPOR SEMALAM

Angka jangkitan kembali 2 digit



ORANG ramai keluar membeli juadah untuk buka puasa dengan mengamalkan penjarakan sosial di Medan Selera Sri Permaisuri di ibu kota, petang semalam. - Gambar NSTP/SAIFULLIZAN



**PANDEMI
COVID-19**

Oleh Shamran Sarahan,
Amir Abd Hanid dan Raja
Noraina Raja Rahim
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Jangkitan baharu Covid-19 dalam negara kembali ke angka dua digit dengan 55 kes dilaporkan

semalam, menjadikan jumlah kumulatif kes keseluruhan penularan wabak itu sebanyak 6,353 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pertambahan 55 kes baharu itu membabitkan tujuh kes import, manakala 48 kes lagi berkaitan penularan tempatan.

Beliau berkata, daripada 48 kes penularan tempatan yang dilaporkan itu, 24 kes dikesan daripada kluster dan lokalti di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

"Ada 71 kes yang pulih dan dibenarkan discaj, ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang pulih sepenuhnya daripada Covid-19 dan discaj daripada wad adalah 4,484

kes, 70.6 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Sehingga kini, seramai 28 kes positif Covid-19 dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Daripada jumlah itu, 13 kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya ketika sidang media harian Covid-19 di sini, semalam.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, tiada kematian berkaitan jangkitan Covid-19 dilaporkan kepada Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) setakat jam 12 tengah hari, semalam.

Katanya, ia menjadikan jumlah kumulatif kes kematian akibat jangkitan wabak berkenaan dalam negara ketika ini kekal 105 kes, 1.65 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Sektor ekonomi, masyarakat sila patuh SOP

Kuala Lumpur Sektor ekonomi dan masyarakat digesa mematuhi prosedur operasi standard (SOP) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bagi memastikan tiada kes baharu jangkitan Covid-19.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, meskipun kelonggaran diberikan kepada sektor ekonomi dan industri untuk beroperasi semula namun mereka perlu mematuhi SOP dikeluarkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Melalui strategi pertama kita iaitu pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tahap satu sehingga tiga yang mendorong

masyarakat untuk berada di rumah, kita berjaya meratakan lengkung

"Melihat keadaan itu, kita melaksanakan PKPB dengan memberi kelonggaran kepada sektor ekonomi membuka semula perniagaan. Tetapi apa yang penting mereka perlu mematuhi SOP," katanya pada sidang media harian Covid-19 di Putrajaya semalam.

Noor Hisham berkata, pematuhan kepada SOP sebahagian daripada tanggungjawab sosial mereka.

Katanya, tindakan mengikut Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988) akan diambil terhadap pihak yang gagal mematuhi SOP dikeluarkan KKM itu.

Tindakan gagal mematuhi SOP diambil mengikut Akta 342

RINGKAS

Enam sahabat didenda RM1,000

Kuala Lumpur Berkumpul dengan alasan ingin buka puasa di sebuah bilik hotel, enam rakan termasuk tiga wanita masing-masing didenda RM1,000 atau penjara empat minggu oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam kerana mengingkari Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Majistret Nurfarahain Roslan menjatuhkan hukuman itu selepas semua tertuduh yang berusia lingkungan 30 hingga 36 tahun mengaku bersalah atas perbuatan itu.

Penganggur ceroboh surau kena RM2,500

Kuala Lumpur Akibat menceroboh kawasan surau dan ingkar Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), seorang penganggur didenda RM2,500 atau penjara enam bulan oleh Mahkamah Majistret Selangor di sini, semalam.

Majistret Nik Mohd Fadli Nik Azlan menjatuhkan hukuman itu terhadap Mohd Norazman Ruslan, 30, selepas dia mengaku bersalah atas kedua-dua pertuduhan itu.

Bagi pertuduhan menceroboh masuk kawasan surau dia didenda RM1,500 atau penjara tiga bulan manakala denda RM1,000 atau penjara tiga bulan kerana melanggar PKP.

Tertuduh didakwa menceroboh masuk dalam kawasan Surau Ar-Rahmaniah, Jalan Batu 7 Gombak, Gombak di sini, pada 3.50 petang, 27 April lalu mengikut Seksyen 447 Kanun Keseksaan.

KKM gesa muat turun aplikasi MySejahtera, MyTrace

Putrajaya Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyeru semua rakyat dan warga asing yang berada di negara ini untuk memuat turun aplikasi MySejahtera dan MyTrace secara percuma di telefon pintar masing-masing.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, aplikasi MySejahtera membolehkan setiap individu melakukan penilaian sendiri untuk mengetahui risiko terhadap jangkitan Covid-19.

Beliau berkata, MySejahtera adalah aplikasi yang dibangunkan kerajaan Malaysia dengan kerjasama pelbagai agensi.

"Aplikasi ini membantu dalam pengawasaan penularan wabak Covid-19 di dalam negara dengan memperkasakan rakyat atau pengguna untuk prihatin kepada kesihatan sendiri dan keadaan semasa virus pandemik ini di Malaysia.

"MySejahtera membolehkan pengguna melaksanakan penilaian kesihatan sendiri di samping membantu KKM mendapatkan maklumat awal tahap kesihatan individu untuk mengambil tindakan yang cepat dan berkesan," katanya.

Mengulas lanjut, katanya, antara fungsi MySejahtera adalah pengesanan hotspot ataupun hotspot tracker iaitu

pengguna boleh mendapatkan maklumat kawasan panas kes Covid-19 dalam lingkungan satu kilometer dari lokasi pengguna atau alamat carian.

"Ia memberi maklumat fasiliti saringan Covid-19 yang terdekat dan bantuan nasihat secara atas talian.

"Selain untuk diri sendiri, pengguna juga boleh mendaftarkan maklumat berhubung ahli keluarga yang tidak mempunyai telefon pintar," katanya.



DR Noor Hisham menunjukkan aplikasi MySejahtera.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : LOKAL

10A www.hmetro.com.my [@hmetromy](https://twitter.com/hmetromy) [HarianMetro](https://www.facebook.com/HarianMetro) [@hmetromy](https://www.instagram.com/hmetromy)

lokal



MAJIKAN akan menanggung kos saringan kesihatan pekerja mereka.

Wajib jalani saringan

Oleh Murni Wan Omar
dan Yusmizal Dollah
Aling dan Muhaamad
Hafis Nawawi
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kerajaan mewajibkan pekerja asing di semua sektor menjalani saringan kesihatan Covid-19 iaitu *swab test* untuk mencegah penularan wabak pandemik itu.

Menteri Kanan (Kluster Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, ia meliputi semua sektor sama ada komersial, kilang, pembinaan, kedai makan dan sebagainya sebagai

Kos swab test pekerja asing semua sektor ditanggung majikan



langkah pencengahan.

"Dua hari berturut-turut kita dapati ada peningkatan kes Covid-19 ia didapati berlaku pada pekerja asing yang bekerja di tapak pembinaan

Tidak kira tapak pembinaan, kilang mahupun restoran ataupun apa apa perniagaan jika ada dikesan ia akan ditutup serta-merta"

Ismail Sabri Yaakob

di Ampang. Kementerian Kerja Raya sudah menutup tapak pembinaan itu.

"Pekerja asing diwajibkan melakukan *swab test* dengan kos ditanggung majikan," katanya dalam mesyuarat harian di Putrajaya, semalam.

Menurutnya Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bercadang untuk memulakan *swab test* ini Wilayah Persekutuan dan Selangor.

"Jadi untuk membendung penularan Covid-19 ini, kerajaan akan menutup dimana saja tempat berlakunya wabak ini dalam kalangan pekerja mereka.

"Tidak kira tapak pembinaan, kilang mahupun restoran ataupun apa perniagaan jika ada dikesan ia akan ditutup serta-merta," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 10
 RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19



MEMERANGI WABAK COVID-19

SELASA 5 MEI 2020 • SINAR HARIAN
 #PastiAdaSinar

Kluster Taman BDC Kuching

Satu lagi kluster baharu dikesan selepas terdapat 37 kes positif Covid-19 di Sarawak

Oleh **NURUL HUDA HUSAIN** dan **TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ANDNAN**

PUTRAJAYA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesan satu lagi kluster baharu wabak koronavirus (Covid-19) iaitu Taman BDC Kuching di Sarawak.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia dikesan selepas 37 kes positif wabak itu dikenal pasti di taman tersebut.

"Ingin dimaklumkan terdapat satu kluster baharu telah dikenal pasti di Kuching iaitu kluster Taman BDC.

"Ia melibatkan 37 kes dan ia juga mempunyai kaitan dengan perhimpunan tabligh di masjid dan ia merupakan kes indeks.

"Kes ini telah menjangkiti ahli keluarga, rakan masjid dan juga rakan sekerja melibatkan tiga generasi," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.



Dr Noor Hisham menunjukkan aplikasi MySejahtera pada sidang akhbar di Putrajaya semalam.

Dr Noor Hisham turut memaklumkan terdapat pertambahan kes positif baharu wabak itu melibatkan lima kluster.

"Kluster Chow Kit merekodkan kes positif baharu tertinggi iaitu 16 kes, Sendayan lima kes, Pesantren tiga kes, Kampong Bharu dua kes dan satu kes di madrasah Jasin," katanya.

Sementara itu, selepas dua hari berturut-turut merekodkan angka tiga digit, semalam kes baharu positif Covid-19 di

Malaysia kembali turun kepada dua angka.

Dr Noor Hisham berkata, terdapat 55 kes baharu direkodkan semalam menjadikan jumlah kumulatif kes meningkat kepada 6,353 orang.

Katanya, daripada 55 kes baharu itu, tujuh melibatkan kes import dan selebihnya penularan tempatan.

"Daripada 48 kes penularan tempatan itu, sebanyak 24 kes telah dikesan daripada kluster dan lokaliti di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)," katanya.

Beliau turut memaklumkan terdapat 71 kes pulih dan dibenarkan discaj semalam menjadikan jumlah kumulatif kes yang pulih adalah sebanyak 4,484 kes.

"Tiada kematian akibat Covid-19 direkodkan hari ini (semalam), menjadikan jumlahnya kekal 105 orang," katanya.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham mengingatkan orang ramai termasuk majikan agar terus mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kerana ia masih terpakai dalam Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang bermula semalam.

Katanya, selagi rakyat mematuhi SOP, rantaian penularan jangkitan Covid-19 akan dapat diputuskan.

MySejahtera bantu kesan lokasi panas Covid-19

PUTRAJAYA - Penggunaan aplikasi MySejahtera membantu orang ramai mendapatkan maklumat lokasi panas wabak koronavirus (Covid-19) dalam lingkungan satu kilometer dari alamat pengguna atau lokasi carian.


Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, aplikasi itu juga dapat memberi maklumat berkaitan fasiliti saringan yang terdekat dan bantuan nasihat secara dalam talian.

Menurutnya, aplikasi itu dibangunkan oleh kerajaan dengan kerjasama pelbagai agensi bagi membantu dalam pengawasan penularan Covid-19 dengan memperkasakan rakyat untuk prihatin kepada kesihatan sendiri dan keadaan semasa wabak itu di Malaysia.

"Selain itu, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi telah membangunkan aplikasi MyTrace. Aplikasi ini membolehkan kerajaan menjalankan pengesanan kontak kepada individu yang disahkan positif Covid-19.

"MyTrace adalah pelengkap kepada aplikasi MySejahtera. Pengesanan kontak (contact tracing) adalah sangat penting supaya dapat diketahui siapa yang pernah berada berdekatan dengan seseorang yang dikenal pasti positif wabak tersebut," kata beliau.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NEWS / NATION

NewStraitsTimes . TUESDAY, MAY 5, 2020

8 | NEWS / Nation

37 POSITIVE CASES

NEW CLUSTER FOUND IN KUCHING

Covid-19 cases from Taman BDC linked to Sri Petaling tabligh gathering, says Health D-G

PUTRAJAYA

A NEW Covid-19 cluster has been identified in Taman BDC in Kuching, Sarawak, linked to the Sri Petaling tabligh gathering.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said 37 positive cases were recorded in the area.

"The index case was from the Sri Petaling tabligh cluster, and had infected three generations, from family members, mosque-goers and co-workers," he said at a press conference yesterday.

He revealed that other clusters in the country had also recorded an increase in positive cases.

Among them are the Chow Kit cluster with 16 new cases (44 total), Sendayan cluster with five new cases (109 total), three new cases from the "Pesantren" cluster (222 total), two in the Kampung Baru cluster (24 total) and one in the Madrasah Ayer Merbau cluster (41 total).

Dr Noor Hisham said 21 new positive cases were recorded at Pusat Bandar Utara and around Selayang Wholesale Market, 17 of which were cases outside of the Enhanced Movement Control Order (EMCO) area.



Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah showing the MySejahtera app, which complements the MyTrace app (inset), at a press conference in Putrajaya yesterday. PIC BY MOHD FADLI HAMZAH



"This takes the total number of positive cases in this area to 160, with 79 of them being outside of the EMCO."

Meanwhile, the ministry yesterday logged 55 new cases, taking the tally of infections in the country to 6,353.

Of the 55 cases, seven are imported while 24 are from clusters and localities placed under the EMCO.

"The total number of active cases to date is 1,764," he said, adding that there were no report-

ed deaths and 71 patients were discharged yesterday.

"The cumulative number of discharged patients is 4,484 or 70.6 per cent of the total number of cases," he added.

In a related development, Dr Noor Hisham urged the public to download the MySejahtera and MyTrace mobile applications to help frontline workers detect new Covid-19 infections in the country.

The MySejahtera app is used to conduct self-assessment and to

help the ministry obtain early information on the health of an individual for prompt and effective action.

Among functions of the MySejahtera app is a hotspot tracker, where the user can get more information on Covid-19 hotspots within 1km from the user or through searching for specific locations.

It also provides information on the nearest Covid-19 screening facilities and for online advice.

The MyTrace app enables the

government to conduct contact tracing on individuals who are Covid-19 positive.

"Contact tracing is important to identify those who have been in close contact with someone who is positive.

"MyTrace complements the MySejahtera app. Both apps are free," he said, adding that people could be assured that the MyTrace app would not collect the user's geolocation information, but records Bluetooth wave logs when users are close by.

Virus most potent a day or two before patients show symptoms

PUTRAJAYA: Though the number of asymptomatic cases involving Covid-19 patients nationwide is low, the probability of a such a patient to infect others is higher one or two days before they show symptoms.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said the virus numbers in asymptomatic patients were low and as such they might not be highly infectious.

"However, we found out that a day or two before a Covid-19 patient began showing symptoms, which is when the virus load in the body is at its highest, this is when he or she can infect others," he said.

He said the Health Ministry had thus far conducted tests on 5,164 patients which comprised those with no Covid-19 symptoms, no travel history and no close contact with other positive patients. Out of this number, 0.1 per cent, or only five patients, were detected to be positive with Covid-19.

By analysing the data collected by the ministry, he said the number of asymptomatic Covid-19 patients was still small.

Nevertheless, he urged everyone who has developed symptoms, with or without contact with a Covid-19 patient, to come to the hospital for testing to rule out the possibility of infection.



A security guard taking the temperature of a visitor at a shopping mall in Kuala Lumpur yesterday. PIC BY HAIRUL ANUAR RAHIM

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

